

TEKS UCAPAN

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

MAJLIS PERASMIAN SISTEM SOLAR
DI MASJID JAMEK DATO' KLANA PETRA SENDENG,
DI BAWAH PROGRAM RUMAH IBADAT HIJAU

23 FEBRUARI 2024 (JUMAAT)

10.30 PAGI

MASJID JAMEK DATO' KLANA PETRA SENDENG, SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani

[Salutasi]

1. **Yang Berhormat Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim**
   Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

2. **Yang Berbahagia Dato' Seri Dr. Abdul Aziz bin Sheikh Abdul Kadir**
   Pengerusi
   Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

3. **Yang Berhormat Tuan Veerapan a/l Superamaniam**
   Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan
   Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan

4. **Yang Berusaha Dr. Hartini binti Mohd Nasir**
   Setiausaha Bahagian Perubahan Iklim
   Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

5. **Yang Berusaha Ir. Ts. Shamsul Bahar bin Mohd Nor**
   Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
   Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC);

6. **Yang Berusaha Dr. Ridzwan bin Bakar**
   Ketua Pegawai Eksekutif
   Yayasan Waqaf Malaysia

7. **Yang Berbahagia Dato' Mohd Zaidi bin Ramli**
   Pengarah
   Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan

8. Pegawai – pegawai kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri;

Ahli kariah yang saya hormati dan saudara-saudari sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita semua dapat berkumpul di pagi Jumaat yang penuh barakah ini untuk Program Penyerahan Sistem Panel Solar kepada Masjid Jamek Dato' Klana Petra Sendeng, Seremban, Negeri Sembilan.

2. Saya amat berbesar hati berada di sini bersama ahli jawatankuasa masjid, rakan-rakan kerjasama strategik program Rumah Ibadat Hijau (RIH) yang terdiri daripada Yayasan Waqaf Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp Negeri Sembilan) Lipan Integrated Recycling Technologies dan Maribumi StarchTech serta ahli-ahli kariah bersama-sama MGTC dalam menjayakan agenda kelestarian di peringkat komuniti ini.

3. Untuk makluman hadirin sekalian, program RIH ini bertujuan untuk menjadikan rumah-rumah ibadat seperti masjid ini sebagai pusat pemangkin kelestarian alam sekitar dan menjadi premis contoh dalam amalan kecekapan tenaga, air dan lestari. Sekaligus, masjid memainkan peranan dalam memupuk amalan gaya hidup hijau di kalangan masyarakat setempat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Secara umumnya, idea mempromosi gaya hidup hijau ini adalah cara hidup yang mesra alam dan mengurangkan impak kepada persekitaran seperti pencemaran dan pelepasan gas rumah hijau. Gaya hidup ini bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada bumi, bahkan berupaya meningkatkan kesihatan jasmani, kesejahteraan masyarakat dan produktiviti secara umum.

5. Bagi mencapai tujuan program RIH ini, amalan gaya hidup hijau dan penggunaan teknologi hijau adalah penting dan saling melengkapkan ke arah kelestarian alam. **Amalan gaya hidup hijau** boleh dirumuskan secara mudah sebagai *"cara tertentu seseorang individu atau sesuatu kumpulan menjalani kehidupan dengan menekankan penjagaan atau usaha dalam memelihara alam sekeliling"*, manakala teknologi hijau merujuk kepada "*produk, peralatan dan sistem yang dibangunkan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar serta sumber semula jadinya".*

6. Sehubungan itu, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) serta jabatan dan agensi NRES yang diamanahkan sebagai peneraju kepada kelestarian alam sekitar seharusnya menjadi teladan utama dan rujukan masyarakat awam dalam memupuk amalan gaya hidup hijau dan inisiatif kelestarian alam.

7. Antara contoh Gaya Hidup dan Teknologi Hijau yang sama-sama kita boleh amalkan di masjid dan rumah kita sendiri adalah:

Penjimatan Tenaga Elektrik

I. Matikan peralatan yang tidak digunakan
II. Gunakan mentol dan peralatan jimat tenaga
III. Bersihkan kipas dan penapis udara
IV. Kawal penggunaan alatan pemanasan
V. Kawal penggunaan penyaman udara
VI. Gunakan suis automatik atau pemasa
VII. Elakkan mencuci separuh muatan bagi mesin basuh pakaian
VIII. Gunakan cahaya semulajadi
IX. Gunakan tenaga solar

Penjimatan Penggunaan Air

I. Menutup pili air apabila tidak digunakan;
II. Bertukar kepada peralatan teknologi hijau seperti pili cekap air, sistem pengumpulan air hujan (SPAH), dwi flush untuk tandas dan kepala pancuran mandi yang cekap air.

Pengurusan Sisa yang Lestari

I. Pengasingan sampah melalui program 3R (Reuse, Reduce dan Recycle)
II. Elakkan penggunaan Plastik Sekali Guna (SUP)
III. Penggunaan Plastik Mudah Terurai (*Biodegradable Plastic*)
IV. Hasil sisa makanan harian terkumpul dijadikan baja kompos

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Kesedaran mengenai gaya hidup hijau daripada program RIH ini akan mendidik diri kita mengenai kepentingan untuk menjaga kelestarian alam sekitar.

9. Di peringkat individu mahupun organisasi seperti masjid, amalan gaya hidup hijau memberi manfaat langsung dari segi penjimatan kos penggunaan utiliti serta penjanaan pendapatan sampingan menerusi program kitar semula. Penjimatan kos dan pendapatan sampingan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu kelancaran operasi masjid ini.

10. Untuk makluman hadirin sekalian, Masjid Jamek Dato' Klana Petra Sendeng merupakan salah satu masjid **penerima dana Wakaf Masjid Hijau berjumlah RM60,000 untuk projek pemasangan sistem panel solar.** Komitmen jitu daripada jawatankuasa masjid dan kariah ini juga berjaya mengumpulkan **kutipan infak sebanyak RM12,000** bagi pelaksanaan projek ini. Hal ini adalah salah satu kejayaan dalam pendekatan *whole-of-nation* mengenai tindakan perubahan iklim dan kelestarian alam.

11. Sukacita saya dimaklumkan oleh Tuan Pengerusi Masjid bahawa hasil pemantauan operasi sistem panel solar tersebut, sistem tersebut telah menjana 5,822 kilowatt jam bersamaan RM3,226.00 bagi tempoh dua bulan pertama. Insya-Allah, sistem panel solar ini dijangka akan **menjana tenaga boleh baharu sebanyak 26,600kWj bersamaan RM14,000 secara tahunan**.

12. Saya berharap dengan kesungguhan ikhtiar oleh pihak jawatankuasa dan ahli kariah masjid, Masjid Jamek Dato' Klana Petra Sendeng ini boleh diiktiraf sebagai Rumah Ibadat Hijau yang menjadi rujukan kepada masjid-masjid dan surau di Negeri Sembilan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Bagi menggalakkan gerak kerja RIH, NRES amat mengalu-alukan sumbangan CSR daripada pihak swasta dan orang ramai untuk Wakaf Masjid Hijau menerusi akaun YWM di RHB Islamic Bank. Saya berharap supaya program di bawah Rumah Ibadat Hijau pada hari ini menjadi pencetus kepada pembentukan anak-anak kariah dan komuniti setempat selaras dengan matlamat menjadi *role model* "Gaya Hidup Hijau" kepada masyarakat.

14. Saya amat terharu kerana program yang telah kami mulakan ini dapat dikembangkan ke peringkat daerah dan seterusnya negeri-negeri di Malaysia. Tahniah kariah dan komuniti Masjid Jamek Dato' Klana Petra Sendeng, kerana sudi menyahut seruan NRES dalam melaksanakan inisiatif kelestarian alam sekitar kerana alam sekitar adalah tanggungjawab bersama.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Dengan penganjuran program ini, diharap kariah dan komuniti setempat dapat menggunakan peluang ini untuk membuktikan yang kariah dan komuniti ini mampu untuk *walk the talk* dalam usaha kita untuk mendidik diri sendiri, anak-anak dan masyarakat tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada kita sebagai khalifah di muka bumi.

16. Saya menjemput anda semua untuk menjadi ***duta gaya hidup hijau NRES*** kerana setiap tindakan positif walau sekecil mana pun, sekiranya dilaksanakan secara berjemaah dan istiqamah pasti menyumbang ke arah Malaysia yang lebih hijau dan lebih mampan.

17. Kami di peringkat kementerian, jabatan dan agensi akan meluaskan jaringan kerjasama bersama kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta agar gaya hidup hijau dijadikan budaya pelbagai kalangan masyarakat.

18. Akhir kata, saya berharap agar penganjuran program ini akan berterusan dan diterima baik oleh semua anak-anak kariah dan komuniti setempat dan juga masjid-masjid di Negeri Sembilan bagi menjaga kelestarian alam negara yang kita cintai.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.